


**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD**

 Tingkat 1, Wisma KPKP, Jalan Gambut 2,  
 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Tel : 09-5178589, 5177932, 5178744 Faksimili : 09-5145275

**BORANG PEMBIAYAAN**
**TAWARRUQ**
**DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN**

1. 1 SALINAN KAD PENGENALAN
2. SALINAN PENYATA GAJI 3 BULAN TERKINI (DISAHKAN DENGAN NAMA & TANDA TANGAN KETUA JABATAN/MAJIKAN)
3. SURAT PENGESAHAN JAWATAN & KEBENARAN POTONGAN GAJI (BAGI BADAN BERKANUN)
4. SURAT PENGESAHAN PERSARAAN DARIPADA MAJIKAN (PEMBIAYAAN SEHINGGA 56 TAHUN DAN KE ATAS)

*\*PENTING : Sekiranya pihak KPKP tidak menerima BORANG RASMI pembiayaan ini termasuk dokumen-dokumen sokongan yang original dalam tempoh 7 hari daripada permohonan asal, maka borang dan segala dokumen sokongan pembiayaan yang diterima melalui media cetak atau media elektronik akan dianggap sah untuk sebarang tindakan undang-undang sekiranya diperlukan.*

**A. MAKLUMAT PEMBIAYAAN**

 PERIBADI (4101) (1)  (2)  (3)  KECEMASAN (4201)   
 BERCAGAR (5001)  PENDIDIKAN (4001)   
 JUMLAH DIPOHON : \_\_\_\_\_ TEMPOH : \_\_\_\_\_ BULAN

**B. MAKLUMAT PERIBADI PEMOHON**

 NAMA PENUH : \_\_\_\_\_  
 NO. ANGGOTA : \_\_\_\_\_ NO. K/P BARU : \_\_\_\_\_  
 ALAMAT RUMAH : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 TEL. RUMAH : \_\_\_\_\_ TEL. BIMBIT : \_\_\_\_\_

**C. MAKLUMAT PEKERJAAN PEMOHON**

 JAWATAN : \_\_\_\_\_  
 JABATAN/ : \_\_\_\_\_  
 TEMPAT BERTUGAS : \_\_\_\_\_  
 NAMA MAJIKAN : \_\_\_\_\_  
 ALAMAT MAJIKAN : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 TEL. PEJABAT : \_\_\_\_\_ FAKSIMILI : \_\_\_\_\_

**D. MAKLUMAT RUJUKAN WARIS TERDEKAT**

 NAMA PENUH : \_\_\_\_\_  
 NO. K/P BARU : \_\_\_\_\_ TEL. BIMBIT : \_\_\_\_\_  
 ALAMAT RUMAH : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 HUBUNGAN : \_\_\_\_\_

**E. CAGARAN (JIKA BERKENAAN)**

 NO. HAK MILIK : \_\_\_\_\_ MUKIM/DAERAH : \_\_\_\_\_  
 KELUASAN : \_\_\_\_\_ NILAI SEMASA : \_\_\_\_\_  
 NAMA PEMILIK : \_\_\_\_\_  
 NO. K/P BARU : \_\_\_\_\_ HUBUNGAN : \_\_\_\_\_

- DIBIARKAN KOSONG -

**F. MAKLUMAT BANK**

 NAMA BANK : \_\_\_\_\_  
 NO. AKAUN BANK : \_\_\_\_\_

**TANDATANGAN PEMOHON**

Tarikh : \_\_\_\_\_

**G. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

 NO. PEMBIAYAAN : \_\_\_\_\_  
 JUMLAH LULUS : \_\_\_\_\_  
 TEMPOH : \_\_\_\_\_ BULAN  
 TARIKH MESY. : \_\_\_\_\_  
 T/T PROSES : \_\_\_\_\_  
 TARIKH BAYAR : \_\_\_\_\_  
 NO. BAUCAR : \_\_\_\_\_  
 NO. CEK : \_\_\_\_\_  
 T/T BAYARAN : \_\_\_\_\_  
 POTONGAN : \_\_\_\_\_ SEBULAN  
 MULA TUNTUT : \_\_\_\_\_ HINGGA \_\_\_\_\_  
 T/T TUNTUTAN : \_\_\_\_\_

**BIRO PERKHIDMATAN ANGKASA (BPA) :**

 NO. DOKUMEN : \_\_\_\_\_  
 TARIKH : \_\_\_\_\_  
 PERATURAN : \_\_\_\_\_  
 SLIP GAJI : \_\_\_\_\_

**TANDATANGAN PENGURUS**

Tarikh : \_\_\_\_\_

## TERMA DAN SYARAT PEMBIAYAAN TAWARRUQ

Tertakluk kepada kelulusan Koperasi terhadap permohonan Pemohon untuk mendapatkan kemudahan Pembiayaan Tawarruq, Pemohon dengan ini bersetuju bahawa semua terma dan syarat yang tercatat di sini ("Terma dan Syarat") adalah terpakai kepada kemudahan tersebut dan berjanji untuk mematuhi semua terma dan syarat itu.

### 1) TAFSIRAN DAN DEFINISI

Apabila perkataan berikut digunakan di dalam Terma dan Syarat ini atau mana-mana Dokumen Transaksi Syariah maka maksudnya adalah seperti yang dinyatakan di dalam jadual yang berikut ini, kecuali jika ia tidak bersesuaian dengan konteks pernyataan itu:

<b>Anggota</b>	Bermaksud anggota Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad.
<b>Aturan</b>	Bermaksud Aturan-aturan Pembiayaan Tawarruq yang ditentukan oleh Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad termasuklah apa-apa pindaan kepada Aturan itu dan mana-mana aturan yang menggantikan Aturan itu.
<b>Borang Had Kelayakan</b>	Bermaksud Borang Penentuan Had Kelayakan Potongan Gaji (bernomor rujukan C 0203) atau mana-mana borang dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh KPKP bagi menyatakan jumlah potongan gaji Pelanggan untuk membayar ansuran bulanan bagi menjelaskan Harga Jualan Komoditi di bawah Pembiayaan Tawarruq.
<b>Borang Permohonan</b>	Bermaksud suatu borang dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh KPKP untuk digunakan dalam urusan permohonan Pembiayaan Tawarruq.
<b>Cagaran</b>	Bermaksud apa-apa harta yang diminta dan diterima oleh KPKP sebagai jaminan kepada pembayaran Harga Jualan Komoditi.
<b>Caj Lewat Bayar</b>	Bermaksud caj yang boleh dikenakan ke atas Pelanggan akibat dari kelewatan membuat bayaran yang dikehendaki di bawah kemudahan Pembiayaan Tawarruq seperti yang dinyatakan di bawah klausa 5.
<b>Dokumen Transaksi Syariah</b>	Bermaksud: 1) Surat Aku Janji (Wa'ad); 2) Surat Pelantikan Wakil Belian 3) Surat Pelantikan Wakil Jualan; dan 4) Kontrak Jualan Murabahah.
<b>Harga Jualan Komoditi</b>	Bermaksud jumlah harga tangguh yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada KPKP di bawah Kontrak Jualan Murabahah. Ia merangkumi Harga Kos Komoditi dan jumlah Keuntungan Murabahah.
<b>Harga Kos Komoditi</b>	Tertakluk kepada Jumlah Pembiayaan Diluluskan, bermaksud jumlah yang perlu dibayar oleh KPKP bagi membeli Komoditi daripada Penjual Komoditi.
<b>Ibra' (Rebat)</b>	Bermaksud rebat sebahagian dari Harga Jualan Komoditi yang boleh diberikan oleh KPKP dalam keadaan-keadaan yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini.
<b>Jumlah Pembiayaan Dipohon</b>	Bermaksud suatu jumlah pembiayaan yang dipohon oleh Pemohon seperti yang tercatat di dalam Borang Permohonan.
<b>Jumlah Pembiayaan Diluluskan</b>	Bermaksud jumlah kemudahan Pembiayaan Tawarruq yang diluluskan oleh KPKP kepada Pemohon.

<b>Jumlah Penyelesaian</b>	Bermaksud amaun yang perlu dibayar kepada KPKP bagi menyelesaikan tanggungjawab Pelanggan di bawah kemudahan Pembiayaan Tawarruq. Jumlah ini dikira berdasarkan formula berikut:  Harga Kos Komoditi belum terbayar + keuntungan yang terakru kepada KPKP sehingga tarikh penyelesaian (yang belum terbayar) + Caj Lewat Bayar (jika ada) + kos lain (jika ada)
<b>Kadar Keuntungan</b>	Bermaksud kadar keuntungan Pembiayaan Tawarruq yang digunakan untuk mengira Harga Jualan Komoditi serta yang akan terakru dan hendaklah dibayar kepada KPKP.
<b>Keuntungan Murabahah</b>	Berkenaan dengan Harga Jualan Komoditi, bermaksud jumlah keuntungan dalam Kontrak Jualan Murabahah yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan. Formula kiraannya adalah seperti berikut:  Keuntungan Murabahah = Jumlah Pembiayaan Diluluskan x Kadar Keuntungan setahun x Tempoh Pembiayaan (Tahun)
<b>Komoditi</b>	Bermaksud komoditi patuh Syariah, selain dari barangan <i>ribawi</i> , yang dibeli oleh KPKP daripada Penjual Komoditi untuk dijual kepada Pelanggan di bawah Kontrak Jualan Murabahah.
<b>Kontrak Jualan Murabahah</b>	Bermaksud perjanjian jual beli Komoditi berdasarkan konsep Murabahah di antara KPKP sebagai penjual dan Pelanggan sebagai pembeli di dalam suatu transaksi Tawarruq. Terma-terma dalam Kontrak Jualan Murabahah ini adalah seperti yang terkandung di dalam Lampiran 1 Terma dan Syarat ini.
<b>Koperasi atau KPKP</b>	Bermaksud Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad (Koop Negara No.: 1039) sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1992 beralamat di Tingkat 1, Wisma KPKP, Jalan Gambut 2, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
<b>Murabahah</b>	Bermaksud suatu transaksi jual beli di mana kos pemerolehan barang jualan serta jumlah keuntungan yang dikenakan didedahkan kepada pembeli.
<b>Pekerja</b>	Bermaksud pekerja Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad.
<b>Pelanggan</b>	Bermaksud Pemohon yang telah bersetuju menerima kemudahan Pembiayaan Tawarruq dari KPKP.
<b>Pembeli Komoditi</b>	Bermaksud pihak yang membeli Komoditi daripada Pelanggan di mana KPKP akan bertindak sebagai wakil jualan berdasarkan Surat Pelantikan Wakil Jualan
<b>Pembiayaan Tawarruq</b>	Bermaksud kemudahan pembiayaan berasaskan konsep Tawarruq yang disediakan oleh KPKP tertakluk kepada syarat dan keperluan yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini serta Aturan.
<b>Pemohon</b>	Bermaksud Anggota atau Pekerja KPKP yang layak dan menghantar Borang Permohonan yang dikepulkan bersama dengan Terma dan Syarat ini untuk kelulusan KPKP
<b>Penjual Komoditi</b>	Bermaksud pihak yang menjual Komoditi kepada KPKP
<b>Pihak-pihak</b>	Bermaksud KPKP dan Pelanggan secara bersesama
<b>Surat Aku Janji (Wa'd)</b>	Bermaksud surat aku janji yang ditandatangani oleh Pemohon dan dihantar kepada KPKP bersama dengan Borang Permohonan. Di bawah surat aku janji ini, Pemohon beraku janji untuk membeli Komoditi dari KPKP pada Harga Jualan Komoditi.
<b>Surat Pelantikan Wakil Belian</b>	Bermaksud surat pelantikan wakil yang ditandatangani oleh Pemohon dan dihantar kepada KPKP bersama dengan Borang Permohonan. Di bawah surat pelantikan wakil ini, Pemohon melantik KPKP sebagai wakilnya untuk membeli Komoditi daripada Koperasi

<b>Surat Pelantikan Wakil Jualan</b>	Bermaksud surat pelantikan wakil yang ditandatangani oleh Pemohon dan dihantar kepada KPKP bersama dengan Borang Permohonan. Di bawah surat pelantikan wakil ini, Pemohon melantik KPKP sebagai wakilnya untuk menjual Komoditi kepada Pembeli Komoditi
<b>Tawarruq</b>	Bermaksud suatu struktur transaksi yang mengandungi dua transaksi jual beli, iaitu, jual beli pertama melibatkan penjualan suatu aset kepada pembeli dengan harga tangguh, dan jual beli kedua adalah transaksi di mana pembeli di dalam transaksi pertama tadi menjual aset yang sama kepada pembeli pihak ketiga bagi mendapatkan tunai.
<b>Terma dan Syarat</b>	Bermaksud apa-apa terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini.

## 2) KAEDAH PEMBIAYAAN TAWARRUQ

- 2.1 Pembiayaan berdasarkan kaedah Tawarruq di bawah Pembiayaan Tawarruq ini hendaklah dilakukan mengikut proses dan prosedur berikut:
- 2.1.1 Pemohon menandatangani Surat Aku Janji (Wa'd) untuk membeli Komoditi yang bernilai sebanyak Jumlah Pembiayaan Dipohon atau apa-apa jumlah lebih rendah, tertakluk kepada kelulusan KPKP, pada Harga Jualan Komoditi.
  - 2.1.2 Pemohon menandatangani Surat Pelantikan Wakil Belian yang memberi kuasa kepada KPKP untuk membeli Komoditi bagi pihak Pelanggan pada Harga Jualan Komoditi dan melaksanakan penerimaan dan penyampaian Komoditi bagi pihak Pelanggan.
  - 2.1.3 Pemohon menandatangani Surat Pelantikan Wakil Jualan yang memberi kuasa kepada KPKP untuk menjual Komoditi serta menyerahkan pemilikan atas Komoditi kepada Pembeli Komoditi.
  - 2.1.4 Jika kemudahan Pembiayaan Tawarruq kepada Pemohon diluluskan, KPKP akan memaklumkan butir-butir Pembiayaan Tawarruq tersebut melalui telefon.
  - 2.1.5 Tertakluk kepada kelulusan KPKP dan atas permintaan Pelanggan dalam Surat Aku Janji (Wa'd), KPKP akan membeli Komoditi dari Penjual Komoditi sebanyak jumlah Harga Kos Komoditi iaitu bersamaan dengan Jumlah Pembiayaan Diluluskan.
  - 2.1.6 Apabila milikan KPKP atas Komoditi telah disahkan, KPKP seterusnya akan menjual Komoditi itu kepada Pelanggan pada Harga Jualan Komoditi.
  - 2.1.7 Setelah itu, KPKP sebagai wakil kepada Pelanggan akan menjual Komoditi itu kepada Pembeli Komoditi pada Harga Kos Komoditi. Jumlah bayaran penjualan tersebut seterusnya akan diserahkan kepada Pelanggan atau melalui apa-apa cara yang dipersetujui oleh Pihak-pihak. Penyerahan ini hendaklah dianggap sebagai pengeluaran Jumlah Pembiayaan Diluluskan kepada Pelanggan.
- 2.2 Semua transaksi jual beli Komoditi di bawah Pembiayaan Tawarruq tertakluk kepada syarat berikut:
- 2.2.1 Pihak-pihak bersetuju bahawa Komoditi akan dijual atau dibeli di bawah Pembiayaan Tawarruq ini atas dasar keadaan sepertimana sedia ada (as is where is), bebas dari semua beban dan/atau kekangan dan tanpa apa-apa waranti atau representasi dari pihak penjual.
  - 2.2.2 Pemunyaan di sisi undang-undang dan/atau benefisial serta hak ke atas Komoditi (termasuk risiko kepemilikan) hendaklah berpindah dari penjual kepada pembeli sebaik sahaja pelaksanaan transaksi yang sah dan mengikat, pemunyaan tersebut dibuktikan dengan Kontrak Jualan Murabahah serta sijil-sijil pemilikan yang dikeluarkan oleh platform komoditi yang berkenaan.
  - 2.2.3 Pelanggan berhak meminta penghantaran Komoditi sebelum KPKP menjual Komoditi kepada Pembeli Komoditi. Dalam keadaan ini, Jumlah Pembiayaan Diluluskan akan diserahkan kepada Penjual Komoditi untuk melangsaikan jumlah Harga Kos Komoditi dan tiada penyerahan harga jualan kepada Pelanggan seperti dinyatakan dalam 2.1.7 akan dilakukan.

Pelanggan seterusnya bertanggungjawab membayar Harga Jualan Komoditi di bawah Kontrak Jualan Murabahah kepada KPKP mengikut terma Pembiayaan Tawarruq yang dipersetujui.

2.2.4 Semua kos berkaitan penghantaran Komoditi kepada Pelanggan termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, caj penghantaran, penggudangan dan percukaian hendak ditanggung sepenuhnya oleh Pelanggan. Dan Pelanggan bersetuju menanggung apa-apa kos yang perlu ditanggung oleh KPKP akibat dari penghantaran Komoditi tersebut (jika ada).

### 3) BAYARAN HARGA JUALAN KOMODITI

3.1 Pembayaran Harga Jualan Komoditi hendaklah dibuat oleh Pelanggan secara ansuran seperti yang ditentukan oleh KPKP.

3.2 Tertakluk kepada jumlah Keuntungan Murabahah, keuntungan hendaklah terakru dan dibayar oleh Pelanggan kepada KPKP berdasarkan Kadar Keuntungan sehingga penyelesaian penuh, sama ada semasa Tempoh Pembiayaan, selepas penamatan Pembiayaan atau penghakiman atas keingkar Pelanggan membayar ansuran bulanan.

### 4) IBRA' (REBAT)

4.1 KPKP hendaklah memberi Ibra' (rebat) atas sebahagian dari Harga Jualan Komoditi apabila Pelanggan telah membayar Jumlah Penyelesaian kepada KPKP jika keuntungan yang terakru kepada KPKP lebih rendah dari jumlah asal Keuntungan Murabahah. Formula pengiraan Ibra' adalah seperti berikut:

$$\text{Ibra}' = \text{Keuntungan Tertanggung.}$$

#### Nota

\* Keuntungan Tertanggung = Keuntungan Murabahah - Keuntungan Terakru

\* Keuntungan Terakru bermaksud jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan sehingga tarikh Jumlah Penyelesaian diterima oleh KPKP.

4.2 Jumlah Ibra' hanya akan ditentukan selepas Pelanggan membayar Jumlah Penyelesaian.

4.3 Ibra' merujuk kepada pengurangan sebahagian jumlah Harga Jualan Komoditi oleh KPKP sahaja, dan ia tidak boleh ditafsirkan sebagai suatu bentuk pembayaran wang tunai kepada Pelanggan.

### 5) KELEWATAN BAYARAN

5.1 Jika Pelanggan ingkar atau lewat membayar ansuran bulanan, apa-apa bayaran yang dikehendaki di bawah kemudahan Pembiayaan Tawarruq atau mana-mana bahagian dari Harga Jualan Komoditi maka KPKP berhak mengenakan Caj Lewat Bayar dengan kiraan harian pada kadar seperti berikut:

(a) jika kelewatan berlaku semasa tempoh Kontrak Jualan Murabahah, maka kadar Caj Lewat Bayar dan/atau ganti rugi (Ta'widh) adalah sebanyak 1% setahun, atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa, dengan kiraan harian atas jumlah ansuran yang terlewat bayar atau atas baki tertunggak (iaitu baki Harga Kos Komoditi belum dibayar dan keuntungan terakru) bagi pembiayaan yang ditamatkan kerana keingkar membayar; atau

(b) jika kelewatan berlaku selepas tamat tempoh Kontrak Jualan Murabahah atau selepas penghakiman kerana keingkar membayar, maka kadar Caj Lewat Bayar dan/atau ganti rugi (Ta'widh) adalah sebanyak kadar semalaman pasaran wang antara bank secara Islam (overnight Islamic Interbank Money Market), atau apa-apa kadar lain yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa, dengan kiraan harian atas jumlah baki yang tertunggak (iaitu baki Harga Kos Komoditi belum dibayar dan keuntungan terakru).

5.2 Jika jumlah Caj Lewat Bayar yang dikenakan lebih tinggi dari jumlah ganti rugi (Ta'widh) berdasarkan kadar di atas, maka lebihan itu hendaklah dianggap sebagai penalti (Gharamah) dan hendaklah disalurkan kepada penerima yang diluluskan oleh penasihat Syariah KPKP.

5.3 Caj Lewat Bayar tidak boleh dikompaun atau dikira atas Caj Lewat Bayar sebelumnya.

#### 6) CAGARAN (Jika berkenaan)

6.1 Sebagai balasan bagi Pembiayaan yang diberi, Pelanggan bersetuju untuk mencagarkan kepada KPKP apa-apa Cagaran seperti butiran yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan serta semua modal yuran dan saham Pelanggan.

6.2 KPKP berhak untuk tidak melepaskan harta-harta cagaran yang tersebut dalam klausa 6.1 selama mana Harga Jualan Komoditi masih belum dilunaskan kepada KPKP.

#### 7) AKU JANJI DAN TANGGUNGJAWAB PELANGGAN

7.1 Sebagai balasan bagi pembiayaan yang diberi, Pelanggan beraku janji dan bersetuju secara tidak terbatal untuk:

- (a) Membenarkan majikannya melaksanakan potongan gaji untuk jumlah ansuran bulanan dan tempoh yang dinyatakan dalam Borang Had Kelayakan bagi menjelaskan Harga Jualan Komoditi yang mesti dibayar oleh Pelanggan kepada KPKP sehingga keseluruhan Harga Jualan Komoditi tersebut dibayar sepenuhnya;
- (b) Membayar ansuran-ansuran tersebut kepada KPKP pada atau sebelum hari terakhir setiap bulan sehingga seluruh Harga Jualan Komoditi itu dilangsaikan;
- (c) Membuat bayaran sendiri jika potongan oleh pihak majikan tidak dapat dibuat atau jika kegagalan oleh sistem potongan gaji majikan;
- (d) Membenarkan baki saham/simpanan Anggota, atau pihak lain yang berkaitan dengannya diambil dan/atau dilupuskan oleh KPKP setakat yang ada, untuk menjelaskan bayaran Harga Jualan Komoditi sekiranya Anggota gagal, lalai atau cuai menjelaskan jumlah yang masih terhutang pada bila-bila masa;
- (e) Tidak akan berhenti dari menjadi anggota Koperasi sehingga seluruh Harga Jualan Komoditi dan lain-lain bayaran atau perbelanjaan terwujud di bawah Pembiayaan Tawarruq (jika ada) diselesaikan;
- (f) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan khasnya berhubung dengan Pembiayaan Tawarruq;
- (g) Menerima dan berjanji untuk mematuhi semua syarat dan keperluan yang terdapat di dalam Terma dan Syarat serta Aturan;
- (h) Membenarkan KPKP menuntut daripada Pelanggan segala kos, perbelanjaan, yuran dan bayaran yang telah dibelanjakan oleh KPKP untuk menguatkuasakan hak-hak atau remedi-remedi yang berhak didapatkan oleh KPKP serta kos untuk menuntut dan/atau mendapatkan Harga Jualan Komoditi termasuk segala kos dan bayaran guaman, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, mahkamah dan sebagainya;
- (i) KPKP boleh menuntut daripada Pelanggan untuk seluruh Harga Jualan Komoditi serta kos dan perbelanjaan lain, sekiranya Pelanggan gagal mematuhi mana-mana peruntukan di dalam Terma dan Syarat ini tanpa memprejudiskan Pelanggan atau sebaliknya;
- (j) Menanggung rugi sepenuhnya segala kerugian dan/atau kerosakan dan/atau risiko KPKP secara langsung atau tidak langsung akibat daripada kegagalan atau kelalaian atau kecuaiannya Pelanggan untuk mematuhi mana-mana peruntukan di dalam Terma dan Syarat ini atau mana-mana bahagiannya;
- (k) Membayar semua dan setiap ansuran bulanan yang ditetapkan atau mana-mana bahagiannya tepat pada masa tanpa sebarang kelewatan, kelalaian atau kegagalan;
- (l) Tiada kelewatan, kegagalan atau ketinggalan KPKP dalam menguatkuasakan atau melaksanakan mana-mana satu hak, remedi atau kuasanya di bawah Terma dan Syarat ini akan menafikan hak, remedi atau kuasa KPKP sedemikian atau menjadi satu pengecualian

kepadanya atau mana-mana satu atau sebahagian hak atau remedi atau kuasa KPKP yang lain di bawah Terma dan Syarat ini atau di bawah mana-mana undang-undang;

- (m) Menggunakan Pembiayaan untuk tujuan yang dibenarkan Syariah;
- (n) Jika berkenaan, melakukan atau memastikan pemeliharaan dan usaha yang sama bagi menjaga Cagaran sebagaimana seorang pemilik berhemat akan lakukan dalam menjaga hartanya sendiri;
- (o) Memberitahu secara bertulis jika berlaku sebarang perubahan, pertukaran berkaitan pekerjaan, alamat tempat kerja dan alamat surat menyurat;
- (p) Menyertai skim tabungan perlindungan pembiayaan (Tabarru') yang diuruskan oleh KPKP;
- (q) Semua masa atau tempoh yang dirujuk dalam perjanjian ini adalah intipati perjanjian ini;

7.2 Walau apapun yang dinyatakan dalam klausa 7.1, ketidakpatuhan Pelanggan hendaklah tidak menjejaskan apa-apa keberhutangan dan tanggungjawab Pelanggan terhadap KPKP untuk membayar Harga Jualan Komoditi di bawah atau berkaitan dengan Perjanjian ini.

## 8) HAK TINDAKAN

8.1 Jika Pelanggan:

- (a) tidak membayar mana-mana jumlah yang perlu dibayar di bawah Pembiayaan Tawarruq atau mana-mana bahagian dari Harga Jualan Komoditi bagi tempoh yang melebihi dua puluh lapan hari dari tarikh kena dibayar;
- (b) berhenti daripada menjadi anggota atau pekerja KPKP;
- (c) gagal memberikan cagaran yang lain atau cagaran tambahan dalam tempoh dua bulan dari tarikh notis dari KPKP; atau
- (d) melakukan perbuatan kebangkrapan, memasuki suatu komposisi atau perkiraan dengan pemiutang-pemiutangnya;

maka KPKP, tertakluk kepada klausa berikut, berhak menamatkan kemudahan Pembiayaan Tawarruq dan meminta penyelesaian segera pembayaran Harga Jualan Komoditi.

8.2 Apabila berlaku mana-mana perkara yang dinyatakan dalam klausa 8.1, KPKP hendaklah memberi Pelanggan satu notis bertulis tidak kurang daripada empat belas hari supaya menganggapkan Pembiayaan Tawarruq telah ditolak oleh Pelanggan dan, melainkan dalam tempoh tersebut keingkaran itu dibetulkan atau semua jumlah wang yang tertunggak dibayar, maka Pembiayaan Tawarruq hendaklah, apabila tamat tempoh notis dan atas pilihan KPKP, disifatkan ditamatkan.

8.3 Sekiranya Pembiayaan Tawarruq ditamatkan, maka KPKP berhak menuntut baki Harga Jualan Komoditi serta apa-apa amaun yang kena dibayar di bawah Pembiayaan Tawarruq dan mendapatkan apa-apa perintah daripada mana-mana mahkamah yang kompeten bagi memungut hutang daripada Pelanggan dan/atau Penjamin.

8.4 Walau apapun yang dinyatakan di atas, KPKP berhak, secara serentak atau berturutan dengan mana-mana tindakan lain yang boleh diambil, melupuskan Cagaran dan/atau modal yuran dan saham Pelanggan bagi maksud memungut Harga Jualan Komoditi yang belum terbayar serta apa-apa amaun yang kena dibayar di bawah Pembiayaan Tawarruq melalui suatu lelongan di bawah undang-undang yang berkaitan.

8.5 Jika Cagaran berjaya dilupuskan atau terjual melalui lelongan tersebut, maka hasil daripada lelongan hendaklah digunakan seperti berikut:

- (a) pertama, membayar apa-apa kos, cukai, caj, fi, dan perbelanjaan yang ditanggung dalam dan berkaitan dengan tindakan lelongan Cagaran;
- (b) kedua, membayar semua Jumlah Penyelesaian yang terakru sehingga tarikh di mana hasil lelongan diterima oleh KPKP;
- (c) ketiga, lebihan selepas tolakan perkara di atas, jika ada, hendaklah dibayar kepada Pelanggan dengan segera.

8.6 Jika hasil lelongan Cagaran dan/atau pelupusan modal yuran dan saham pelanggan tidak cukup untuk melunaskan semua Jumlah Penyelesaian mengikut susunan bayaran di atas, maka Pelanggan hendaklah membayar jumlah yang terkurang itu kepada KPKP dengan segera dan selagimana belum terbayar jumlah itu hendaklah dianggap sebagai suatu hutang yang perlu dibayar di bawah Pembiayaan Tawarruq dan KPKP berhak mengenakan Caj Lewat Bayar dan mengambil apa-apa tindakan untuk memungutnya.

#### **9) DUTI SETEM DAN FI PENGAKUSAKSIAN**

9.1 Semua duti setem dan fi pengakusaksian yang diperlukan berkaitan Pembiayaan Tawarruq hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.

#### **10) PENYAMPAIAN DOKUMEN**

10.1 Sebarang notis, kenyataan, tuntutan atau komunikasi yang perlu diberikan di bawah Perjanjian ini mestilah secara bertulis dan hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang mencukupi-

(a) jika ia dihantar oleh pihak itu atau peguam caranya melalui pos A.R. berdaftar yang dialamatkan ke alamat pihak yang satu lagi seperti yang tersebut di dalam Borang Permohonan dan dalam hal yang sedemikian ia hendaklah disifatkan sebagai telah diterima apabila tamat tempoh lima hari dari tarikh pengeposan surat itu; atau

(b) jika ia diberikan oleh pihak itu atau peguam caranya dengan tangan kepada pihak yang satu lagi atau kepada peguam caranya.

10.2 Apa-apa perubahan mengenai alamat oleh mana-mana pihak hendaklah dimaklumkan kepada pihak yang satu lagi secara bertulis dengan segera.

#### **11) ORANG-ORANG YANG TERIKAT KEPADA TERMA DAN SYARAT PEMBIAYAAN TAWARRUQ**

11.1 Terma dan Syarat ini mengikat pengganti dalam hakmilik, waris, dan wakil peribadi kepada Pelanggan serta pengganti dalam hakmilik dan penerima serah hak kepada KPKP.

#### **12) PELBAGAI**

12.1 Masa, sekiranya dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini adalah penting dan menjadi intipati kepada Terma dan Syarat ini.

12.2 Terma dan Syarat ini dan semua Dokumen Transaksi Syariah hendaklah ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia.

12.3 Semua amaun yang perlu dibayar di bawah Pembiayaan Tawarruq mestilah dalam Ringgit Malaysia dan boleh diguna dengan segera.

12.4 Sekiranya apa-apa terma, syarat atau aku janji yang terkandung dalam Terma dan Syarat ini atau Dokumen Transaksi Syariah adalah terbatal, tidak mengikat atau tidak dapat berkuatkuasa atas apa-apa sebab sekalipun, maka terma, syarat atau aku janji yang lain hendaklah tidak terganggu, sah dan terus mengikat dan berkuatkuasa menurut undang-undang.

12.5 Kesemua hak, remedi dan kuasa KPKP di sini adalah bersifat kumulatif dan tidak bersifat eksklusif daripada hak-hak dan kuasa-kuasa sebuah koperasi di bawah undang-undang dan ekuiti khasnya di bawah Akta Koperasi 1993 (Akta 502).

12.6 Pembiayaan Tawarruq dan apa jua transaksi yang dilaksanakan berkaitannya hendaklah mematuhi kehendak dan peraturan yang ditentukan Syariah.



\*\*\*\*\*

Kesemua terma dan syarat yang tercatat di atas adalah dengan ini dipersetujui oleh Pemohon yang telah menandatangani di bawah:

Ditandatangani oleh **Anggota** ] \_\_\_\_\_  
] Nama :  
] No. K/P :  
] No. Anggota :

Dengan disaksikan oleh ] \_\_\_\_\_  
] Nama :  
] No. K/P :  
] No. Anggota :

Ditandatangani oleh wakil **KPKP** ] \_\_\_\_\_  
] Nama :  
] No. K/P :

Dengan disaksikan oleh ] \_\_\_\_\_  
] Nama :  
] No. K/P :

---

***Untuk Kegunaan Pejabat KPKP sahaja***

Seperti yang telah dipersetujui dalam perbualan telefon di antara wakil KPKP bernama

\_\_\_\_\_ dengan **Anggota** pada tarikh \_\_\_\_\_ dan masa \_\_\_\_\_.

**Pengakuan Pegawai**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa butiran Komoditi dan Harga Jualan Komoditi telah dimaklumkan kepada Pemohon.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pegawai/Kakitangan **KPKP**

**SURAT AKU JANJI (WA`AD)**

Perjanjian ini dibuat pada (tarikh) \_\_\_\_\_ (bulan) \_\_\_\_\_ (tahun) 20\_\_\_\_. .

Daripada

[Nama Anggota] : \_\_\_\_\_

Kepada :

**Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad (“KPKP”)**

PER : PERMOHONAN PEMBIAYAAN TAWARRUQ

**AKU JANJI (WA`AD)**

Sebarang terma yang ditakrifkan di dalam Terma dan Syarat Pembiayaan Tawarruq hendaklah memberi maksud yang sama bila diguna di sini, kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

Saya dengan ini beraku janji secara tidak terbatal untuk membeli daripada KPKP Komoditi yang bernilai sebanyak Jumlah Pembiayaan Dipohon atau apa-apa jumlah yang lebih rendah pada Harga Jualan Komoditi yang dikira berdasarkan formula yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat dan yang akan dibayar mengikut terma-terma dan syarat-syarat Pembiayaan Tawarruq atau apa-apa kaedah lain yang dibenarkan oleh KPKP.

Saya dengan ini memilih pilihan untuk : *(Sila tandakan [✓] pada kotak yang berkenaan)*

- menerima penghantaran komoditi, atau menjual komoditi kepada mana-mana pihak ketiga atas kehendak saya, dengan segala kos berkaitan ditanggung oleh saya sendiri, Saya dengan ini melepaskan KPKP daripada segala tanggungan dan beraku janji untuk menanggung rugi KPKP terhadap apa-apa tindakan undang-undang termasuk menanggung rugi kesemua kos dan perbelanjaan atau kerosakan yang KPKP alami atau tanggung berikutan dengan pilihan ini.

**ATAU**

- meninggalkan Komoditi itu kepada KPKP dan menyerahkan kuasa kepada KPKP sebagai wakil saya untuk menjual Komoditi itu kepada mana-mana Pembeli Komoditi pada Harga Kos Komoditi dan dengan itu mengkreditkan hasil jualan Komoditi (Jumlah Pembiayaan) ke dalam akaun bank saya seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan.

Terima kasih.

Ditandatangani oleh **Anggota**

] ] ] ]

\_\_\_\_\_

Nama :

No. K/P :

No. Anggota :

## SURAT PELANTIKAN WAKIL BELIAN

Perjanjian ini dibuat pada (tarikh) \_\_\_\_\_ (bulan) \_\_\_\_\_ (tahun) 20\_\_\_\_. .

Daripada

[Nama Anggota] : \_\_\_\_\_

Kepada :

**Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad ("KPKP")**

PER : PERMOHONAN PEMBIAYAAN TAWARRUQ

Sebarang terma yang ditakrifkan di dalam Terma dan Syarat Pembiayaan Tawarruq hendaklah memberi maksud yang sama bila diguna di sini, kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

Saya dengan ini secara muktamadnya melantik KPKP sebagai wakil saya untuk membeli Komoditi daripada pihak KPKP serta menerima penyampaian Komoditi tersebut bagi pihak saya.

Saya dengan ini memberikan kuasa penuh kepada KPKP untuk membeli Komoditi tersebut pada Harga Jualan Komoditi selaras dengan formula yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat. Saya mengaku terikat dengan apa-apa kontrak atau perjanjian bagi tujuan pembelian Komoditi bagi pihak saya selaras dengan surat pelantikan ini.

Pelantikan ini adalah terhad untuk perkara-perkara yang dinyatakan di sini sahaja dan KPKP berhak melantik mana-mana wakilnya untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Saya dengan ini beraku janji untuk membayar ganti rugi kepada KPKP atas segala kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh KPKP akibat memenuhi tanggungjawab sebagai wakil saya di bawah surat pelantikan ini.

Terima kasih.

Ditandatangani oleh Anggota

] ] ] ]

\_\_\_\_\_

Nama :

No. K/P :

No. Anggota :

---

## PENGESAHAN PENERIMAAN LANTIKAN SEBAGAI WAKIL UNTUK MEMBELI

Saya dengan ini menerima lantikan wakil pembelian berdasarkan terma Surat Pelantikan Wakil Belian.

Untuk dan bagi pihak KPKP,

\_\_\_\_\_  
(Penandatangan diberi kuasa)

Nama:

Jawatan:

## SURAT PELANTIKAN WAKIL JUALAN

Perjanjian ini dibuat pada (tarikh) \_\_\_\_\_ (bulan) \_\_\_\_\_ (tahun) 20\_\_\_\_ .

Daripada

[Nama Anggota] : \_\_\_\_\_

Kepada :

**Koperasi Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur Berhad ("KPKP")**

### PER: PERMOHONAN PEMBIAYAAN TAWARRUQ

Sebarang terma yang ditakrifkan di dalam Terma dan Syarat Pembiayaan Tawarruq hendaklah memberi maksud yang sama bila diguna di sini, kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

Saya dengan ini secara muktamadnya melantik KPKP sebagai wakil saya untuk menjual Komoditi yang akan dimiliki menurut Kontrak Jualan Murabahah kepada mana-mana Pembeli Komoditi yang difikirkan sesuai oleh KPKP.

Saya mengaku terikat dengan apa-apa kontrak atau perjanjian bagi tujuan penjualan Komoditi bagi pihak saya kepada Pembeli Komoditi.

Saya dengan ini memberikan kuasa penuh kepada KPKP untuk menjual komoditi pada Harga Kos Komoditi (Jumlah Pembiayaan) sahaja. Sila serahkan hasil daripada penjualan itu ke dalam akaun bank saya yang telah dinyatakan dalam Surat Aku Janji (Wa'd) yang dikeluarkan oleh saya kepada KPKP, bagi tujuan penyerahan Kemudahan Pembiayaan Tawarruq.

Pelantikan ini adalah terhad untuk perkara-perkara yang dinyatakan di sini sahaja dan KPKP berhak melantik mana-mana wakilnya untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Saya dengan ini beraku janji untuk membayar ganti rugi kepada KPKP atas segala kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh KPKP akibat memenuhi tanggungjawab sebagai wakil saya di bawah surat pelantikan ini.

Terima kasih.

Ditandatangani oleh **Anggota**

] ] ] ]

\_\_\_\_\_

Nama :

No. K/P :

No. Anggota :

---

### PENGESAHAN PENERIMAAN LANTIKAN SEBAGAI WAKIL UNTUK MENJUAL

Saya dengan ini menerima lantikan wakil jualan berdasarkan terma Surat Pelantikan Wakil Jualan.

Untuk dan bagi pihak KPKP,

\_\_\_\_\_  
(Penandatanganan diberi kuasa)

Nama:

Jawatan:



# KPKP

كوفراسي فگاوي ٢ كراجان نڠري فهڠ دارالمعمور بزحد

**KOPERASI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN  
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR BERHAD**

Tingkat Satu, Wisma KPKP,  
Jalan Gambut 2,  
25000 Kuantan,  
Pahang Darul Makmur  
Tel : 09-5177932, 5178589, 5178744  
Fax : 09-5145275  
Email : [hq@kpkp.coop.my](mailto:hq@kpkp.coop.my)

KPKP

KPKP

KPKP

KPKP

KPKP

KPKP

KPKP

KPKP

KPKP

## KEBENARAN PENZAHIRAN MAKLUMAT KREDIT INDIVIDU Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA Dan Experian Information Services (Malaysia) Sdn. Bhd. ("EXPERIAN")

### PENDEDAHAN

Pemohon dengan ini membenarkan (**Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Pahang**) / ANGKASA dan / atau pegawainya untuk menggunakan, mendedahkan, memberitahu apa-apa maklumat berhubung dengan akaun SPGA / beliau untuk tujuan atau berhubung dengan apa-apa tindakan atau prosiding diambil bagi tujuan penilaian kredit atau bayaran balik di bawah Terma dan Syarat ini;

Pemohon dengan ini membenarkan (**Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Pahang**) / ANGKASA dan / atau pegawainya untuk penzahiran apa-apa maklumat individu yang berkaitan dengan kedudukan kredit, kemudahan atau akaun butiran pemohon kepada Experian Information Services (Malaysia) Sdn. Bhd. ("EXPERIAN") dan pelanggan EXPERIAN termasuk Bank / Institusi kewangan, syarikat yang perlu; mengikut cara yang di anggap perlu berkaitan dengan maksud yang berikut.

Pemohon dengan ini memberi kebenaran kepada EXPERIAN bagi pendedahan maklumat kredit, termasuk maklumat kredit perbankan kepada (**Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Pahang**) / ANGKASA dan / atau pegawainya bagi maksud yang berikut seperti yang dinyatakan di bawah seksyen 24, menurut Akta Pelaporan Kredit 2010. Persetujuan hendaklah kekal terpakai selagi pemohon mengekalkan akaun/pinjaman/pembiayaan/Kredit/apa-apa transaksi dengan organisasi.

Tujuan pendedahan termasuk tetapi tidak terhad kepada :-

- Pembukaan akaun
- Penilaian / Pemarkahan kredit,
- Kredit / Semakan akaun
- Kredit / Pemantauan akaun
- Kedudukan / Pemantauan akaun individu,
- Tujuan pemulihan hutang,
- Dokumentasi undang-undang dan/atau tindakan berkenaan kontrak atau kemudahan kredit yang telah diberi.

Organisasi / ANGKASA / EXPERIAN tidak akan bertanggungjawab sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada Pemohon atau mana-mana orang lain untuk pendedahan sedemikian.

TANDATANGAN PEMOHON

DISAKSIKAN OLEH WAKIL ORGANISASI

.....  
Nama :  
No. Anggota :

.....  
Nama (wakil) :

No. K/P :  
Cop Jari Pemohon

No. K/P :  
Serta Cop Rasmi Organisasi :

Tarikh :

Tarikh :

	3.80%					4.80%				
	12	24	36	48	60	72	84	96	108	120
<b>1,000.00</b>	86.50	44.83	30.94	24.00	19.83	17.89	15.90	14.42	13.26	12.33
<b>2,000.00</b>	173.00	89.67	61.89	48.00	39.67	35.78	31.81	28.83	26.52	24.67
<b>3,000.00</b>	259.50	134.50	92.83	72.00	59.50	53.67	47.71	43.25	39.78	37.00
<b>4,000.00</b>	346.00	179.33	123.78	96.00	79.33	71.56	63.62	57.67	53.04	49.33
<b>5,000.00</b>	432.50	224.17	154.72	120.00	99.17	89.44	79.52	72.08	66.30	61.67
<b>6,000.00</b>	519.00	269.00	185.67	144.00	119.00	107.33	95.43	86.50	79.56	74.00
<b>7,000.00</b>	605.50	313.83	216.61	168.00	138.83	125.22	111.33	100.92	92.81	86.33
<b>8,000.00</b>	692.00	358.67	247.56	192.00	158.67	143.11	127.24	115.33	106.07	98.67
<b>9,000.00</b>	778.50	403.50	278.50	216.00	178.50	161.00	143.14	129.75	119.33	111.00
<b>10,000.00</b>	865.00	448.33	309.44	240.00	198.33	178.89	159.05	144.17	132.59	123.33
<b>11,000.00</b>	951.50	493.17	340.39	264.00	218.17	196.78	174.95	158.58	145.85	135.67
<b>12,000.00</b>	1,038.00	538.00	371.33	288.00	238.00	214.67	190.86	173.00	159.11	148.00
<b>13,000.00</b>	1,124.50	582.83	402.28	312.00	257.83	232.56	206.76	187.42	172.37	160.33
<b>14,000.00</b>	1,211.00	627.67	433.22	336.00	277.67	250.44	222.67	201.83	185.63	172.67
<b>15,000.00</b>	1,297.50	672.50	464.17	360.00	297.50	268.33	238.57	216.25	198.89	185.00
<b>16,000.00</b>	1,384.00	717.33	495.11	384.00	317.33	286.22	254.48	230.67	212.15	197.33
<b>17,000.00</b>	1,470.50	762.17	526.06	408.00	337.17	304.11	270.38	245.08	225.41	209.67
<b>18,000.00</b>	1,557.00	807.00	557.00	432.00	357.00	322.00	286.29	259.50	238.67	222.00
<b>19,000.00</b>	1,643.50	851.83	587.94	456.00	376.83	339.89	302.19	273.92	251.93	234.33
<b>20,000.00</b>	1,730.00	896.67	618.89	480.00	396.67	357.78	318.10	288.33	265.19	246.67
<b>21,000.00</b>	1,816.50	941.50	649.83	504.00	416.50	375.67	334.00	302.75	278.44	259.00
<b>22,000.00</b>	1,903.00	986.33	680.78	528.00	436.33	393.56	349.90	317.17	291.70	271.33
<b>23,000.00</b>	1,989.50	1,031.17	711.72	552.00	456.17	411.44	365.81	331.58	304.96	283.67
<b>24,000.00</b>	2,076.00	1,076.00	742.67	576.00	476.00	429.33	381.71	346.00	318.22	296.00
<b>25,000.00</b>	2,162.50	1,120.83	773.61	600.00	495.83	447.22	397.62	360.42	331.48	308.33
<b>26,000.00</b>	2,249.00	1,165.67	804.56	624.00	515.67	465.11	413.52	374.83	344.74	320.67
<b>27,000.00</b>	2,335.50	1,210.50	835.50	648.00	535.50	483.00	429.43	389.25	358.00	333.00
<b>28,000.00</b>	2,422.00	1,255.33	866.44	672.00	555.33	500.89	445.33	403.67	371.26	345.33
<b>29,000.00</b>	2,508.50	1,300.17	897.39	696.00	575.17	518.78	461.24	418.08	384.52	357.67
<b>30,000.00</b>	2,595.00	1,345.00	928.33	720.00	595.00	536.67	477.14	432.50	397.78	370.00
<b>31,000.00</b>	2,681.50	1,389.83	959.28	744.00	614.83	554.56	493.05	446.92	411.04	382.33
<b>32,000.00</b>	2,768.00	1,434.67	990.22	768.00	634.67	572.44	508.95	461.33	424.30	394.67
<b>33,000.00</b>	2,854.50	1,479.50	1,021.17	792.00	654.50	590.33	524.86	475.75	437.56	407.00
<b>34,000.00</b>	2,941.00	1,524.33	1,052.11	816.00	674.33	608.22	540.76	490.17	450.81	419.33
<b>35,000.00</b>	3,027.50	1,569.17	1,083.06	840.00	694.17	626.11	556.67	504.58	464.07	431.67
<b>36,000.00</b>	3,114.00	1,614.00	1,114.00	864.00	714.00	644.00	572.57	519.00	477.33	444.00
<b>37,000.00</b>	3,200.50	1,658.83	1,144.94	888.00	733.83	661.89	588.48	533.42	490.59	456.33
<b>38,000.00</b>	3,287.00	1,703.67	1,175.89	912.00	753.67	679.78	604.38	547.83	503.85	468.67
<b>39,000.00</b>	3,373.50	1,748.50	1,206.83	936.00	773.50	697.67	620.29	562.25	517.11	481.00
<b>40,000.00</b>	3,460.00	1,793.33	1,237.78	960.00	793.33	715.56	636.19	576.67	530.37	493.33
<b>41,000.00</b>	3,546.50	1,838.17	1,268.72	984.00	813.17	733.44	652.10	591.08	543.63	505.67
<b>42,000.00</b>	3,633.00	1,883.00	1,299.67	1,008.00	833.00	751.33	668.00	605.50	556.89	518.00
<b>43,000.00</b>	3,719.50	1,927.83	1,330.61	1,032.00	852.83	769.22	683.90	619.92	570.15	530.33
<b>44,000.00</b>	3,806.00	1,972.67	1,361.56	1,056.00	872.67	787.11	699.81	634.33	583.41	542.67
<b>45,000.00</b>	3,892.50	2,017.50	1,392.50	1,080.00	892.50	805.00	715.71	648.75	596.67	555.00
<b>46,000.00</b>	3,979.00	2,062.33	1,423.44	1,104.00	912.33	822.89	731.62	663.17	609.93	567.33
<b>47,000.00</b>	4,065.50	2,107.17	1,454.39	1,128.00	932.17	840.78	747.52	677.58	623.19	579.67
<b>48,000.00</b>	4,152.00	2,152.00	1,485.33	1,152.00	952.00	858.67	763.43	692.00	636.44	592.00
<b>49,000.00</b>	4,238.50	2,196.83	1,516.28	1,176.00	971.83	876.56	779.33	706.42	649.70	604.33
<b>50,000.00</b>	4,325.00	2,241.67	1,547.22	1,200.00	991.67	894.44	795.24	720.83	662.96	616.67